

Kong Choy teruskan dasar Kementerian Pengangkutan

PUTRAJAYA 1 Julai — Menteri Pengangkutan yang baru dilantik, Datuk Chan Kong Choy berkata, beliau akan meneruskan dasar sedia ada di kementerian itu.

Katanya, semua dasar yang baik akan diteruskan dan dasar-dasar baru akan diperkenalkan semasa ke semasa.

“Kita akan teruskan dasar yang telah ditetapkan supaya dapat meningkatkan daya saing dan mengekalkan Malaysia menjadi negara maju.

“Pengekalan dasar itu akan dapat memastikan segala perancangan yang tersedia dan baru dapat dilaksanakan dengan sempurna,” katanya pada sidang akhbar pertamanya sebagai Menteri Pengangkutan yang baru di kementeriannya, di sini hari ini.

Beliau menggantikan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dalam rombakan kecil Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 24 Jun lalu.

Kong Choy sebelum ini ialah Timbalan Menteri Kewangan.

Beliau juga ialah Timbalan Presiden MCA yang baru dilantik selepas peletakan jawatan Presidennya, Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas

Wong Embas dan Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Zaharah Shaari.

Terdahulu Kong Choy diberi taklimat mengenai struktur di kementerian itu oleh para pegawai kanannya.

“Kementerian Pengangkutan mempunyai peranan yang luas meliputi pengangkutan darat, laut dan udara yang memerlukan tumpuan utama supaya dapat membantu Malaysia menjadi negara yang terus maju,” katanya.

Menurutnya, berikutan persaingan yang sengit dengan negara-negara jiran dan keperluan dalam negara memaksanya untuk memastikan peranan kementerian itu perlu terus bergerak pantas di hadapan.

“Banyak bidang yang berkaitan dengan pengangkutan yang perlu dinaik taraf supaya menepati dengan keperluan semasa,” katanya.

Kong Choy mengakui bahawa tugas barunya itu sebagai mencahar dalam menentukan sektor pengangkutan Malaysia mampu bersaing dengan negara lain dalam era globalisasi ini.

Beliau bagaimanapun percaya tugas yang berat itu akan menjadi ringan apabila mendapat kerjasama daripada segenap lapisan kakitangan dan agensi di bawah kementeriannya.